

ANALISIS ESTETIKA DAN SIMBOLISME HIASAN ISLAM DI MASJID TENGGU MAHKOTA TENGGU HASSANAL, UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH (TMTHIAS)

Aisyah Suaida binti Mohammad Hizam¹

Mohamad Azizie Nordin²

¹Jabatan Multimedia Kreatif dan Komputeran (JMKK), UnIPSAS 25150, Pahang, Malaysia
(Email: aisyahsuaida@unipsas.edu.my)

²Jabatan Multimedia Kreatif dan Komputeran (JMKK), UnIPSAS 25150, Pahang, Malaysia
(Email: azizie@unipsas.edu.my)¹

Abstrak

Makalah ini pada dasarnya menyuguhkan percikan-percikan kenisbian spektrum tatanan simbolis dan jenis motif yang kini bermuara dan mengacu di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS) serta mencoretkan bagaimana elemen ini menyajikan unsur keestetikaan yang mencerminkan nilai-nilai, norma-norma, hukum-hakam, gagasan-gagasan dan fungsi-fungsi dalam ranah Islam yang masuk ke “ladang hati manusia”. Pernyataan masalah kajian ini berpusat pada kekurangan penelitian yang menghuraikan secara sistematik fungsi motif geometri, flora dan kaligrafi dalam membentuk identiti estetika masjid kontemporari. Objektif kajian adalah mengenal pasti motif utama, menjelaskan fungsinya dalam tatanan simbolik, dan menafsir makna estetika yang hadir dalam ruang ibadah tersebut yang sarat dengan makna. Paradigma kualitatif yang dinisbahkan berpaksikan kepada karya tentang elemen geometri, flora dan kaligrafi, ini dimadukan dengan pemerhatian setempat untuk mendapatkan anekdot-anekdot segar melalui tafsiran makna dalam tatanan simbolik. Hasil kajian ini juga menegaskan bahawa simbol “hutan-hutan” ini mencerminkan kesinambungan tradisi estetika yang berakar dalam budaya masyarakat setempat.

Kata kunci: Simbol, budaya, estetika, ekspresi, hukum

¹Diterima; 27 Oktober 2025. Disemak; 22 November 2025, Diterbitkan; 29 Disember 2025.

Abstract

This study explores the symbolic and aesthetic dimensions embodied in the motifs of geometry, flora, and calligraphy within the Tengku Mahkota Tengku Hassanal Mosque (TMTHIAS), revealing how these elements reflect Islamic values, norms, and spiritual meanings that resonate deeply within the human heart. Addressing the gap in systematic research on the functional and symbolic roles of these motifs in shaping contemporary mosque aesthetics, the study aims to identify the key motifs, explain their symbolic significance, and interpret their aesthetic meanings within the worship space. Employing a qualitative paradigm grounded in prior scholarship and supported by on-site observations, the research uncovers how these “forests of symbols” illustrate the enduring continuity of aesthetic traditions deeply rooted in the local cultural and spiritual identity.

Keywords: Symbol, culture, aesthetics, expression, law

PENGENALAN

“Sesungguhnya, Allah itu, Maha Indah, dan menyukai keindahan”

Hiasan dalaman masjid mempengaruhi tumpuan yang penuh keestetikaan, serta menyajikan pengalaman yang ‘ringan’ dan emosi spiritual jemaah melalui cerapan inderawi, yakni penglihatan, pendengaran, perasaan (Ghouchani et al., 2022). Hiasan yang berlebihan berisiko mengganggu tumpuan, manakala hiasan yang sederhana dapat menyuntikan ‘mutiara-mutiara’ keindahan tersebut yang bersifat lunak, hayati, otentik dan sistematik. Masakan tidak, ia juga akan “meneropong” sendi-sendi seni Islam dari aspek teosofi, mitologi, dan psikologi yang memuncak ke dalam “getaran sukma” manusia itu sendiri (Zahra & Bin Shahir, 2022).

Menurut Zawavi dan Norahida (2024), usaha memperkukuh identiti Islam melalui seni dan tulisan merupakan kesinambungan tradisi yang perlu diterjemahkan dalam seni bina dan hiasan ruang ibadah. Kajian ini juga ditilik pada dasarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan perbincangan warisan Islam di Pahang seperti yang menekankan usaha memperkasakan tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan intelektual Islam di negeri ini. Tulisan Jawi bukan sahaja berperanan sebagai medium bahasa, tetapi turut menjadi lambang kesinambungan tradisi ilmu Islam serta menyajikan makna yang cukup sarat berkembang sejak awal kedatangan Islam ke Pahang (Hakim et al., 2022). Dalam masa yang sama, pengukuhan semula tulisan Jawi melambangkan usaha

menghidupkan kembali roh keilmuan dan jati diri Islam dalam masyarakat, selaras dengan semangat memartabatkan warisan intelektual tempatan.


Lantaran itu, tulisan Jawi dan seni hias masjid cukup berkait disebabkan mempunyai keestetikaan yang tersendiri sekaligus menjadi warisan Islam dalam kanca budaya. Secara jernih, ia bukan sekadar tulisan dan hiasan Islami, tetapi menyampaikan sebuah makna spiritual dan simbolik yang mendalam sarat dengan makna. Jika dipersudutkan dari tulisan Jawi dan penerapan estetika Islam dalam seni masjid ia tidak dapat terlepas dalam satu ekosistem yang berkait antara satu sama lain (Atika & Ginting, 2024). Tidak dapat dipungkiri, kedua-dua unsur ini menjadi 'senada' dan 'sewarna' menerapkan keestetikaan itu sendiri agar ia tidak dilupakan dan menjadi warisan Islam itu sendiri. Alhasil, ia menjadi akar-akar dan ranting-ranting dalam panggung tradisi ilmu yang perlu dimekarkan dan diangkat agar agama Islam itu penuh dengan keindahan atau dikenali sebagai falsafah seni, seperti mana yang dikatakan oleh sosok Immanuel Kant keindahan adalah sebuah rasa atau estetik yang lahir dari akal budi (rasionalisme) dan pengalaman inderawi (empirisme) tetapi dengan makna keindahan akan menghidangkan sebuah 'substansi' kepada keduanya (Abdullah et al., 2023).

Justeru, isu utama yang ingin dikupas pada dasarnya adalah sorotan ketegangan antara sebuah keindahan tatanan visual dan tujuan spiritual yang didapati melalui cakerawala humanisme itu sendiri, termasuk jurang aplikasi kaligrafi yang jelas serta kontekstual pada bangunan kontemporari (Latif, 2024). Dengan itu, asas teori ini menjadi petualangan dalam berpaut pada falsafah seni Islam yang menolak figuratif, meraikan keteraturan dan menegaskan kesederhanaan sebagai cerminan tauhid (Ahsani et al., 2024).

Selain itu, seni hias Islam ini turut memperlihatkan sebuah tatanan dalam keseimbangan seperti mana yang dikatakan oleh sosok Fahrudin Faiz, seni Islam menjadi suatu tatanan dalam keindahan sebagai pengalaman emosi. Secara jernih, keindahan ini dapat dirasakan dalam hati manusia menghidangkan pengalaman dan semangat yang berapi-api kepada manusia. Lantaran itu, ia juga menyentuh emosi yang menguat di dalam hati sekaligus merasa damai dalam nuansa kehidupan. Estetika juga mewakili dimensi pemikiran manusia atau intelektual terhadap keindahan (Nasution & Harni, 2023). Hal ini juga menunjukkan bahawa tatanan simbolik dan estetika ini membuka cakerawala manusia untuk memahami, menggali, menafsir, bahkan menghayati keindahan melaui kerangkan pemikiran (*The Aesthetic Discourse of Decorative Art Islamic Civilization as a Model*, 2022).

Syahdan, seni juga dianggap sebagai suatu perwujudan keindahan serta manifestasi melalui ciptaan nyata daripada keindahan yang dapat dirasakan. Maka, estetika ini membawa keindahan di dalam alam nyata dan universal melalui bentuk dan ekspresi. Selain itu, seni hiasan Islam di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS) juga menunjukkan keseimbangan antara rasional akal dan spiritual, antara bentuk dan

sebuah tatanan makna melalui implisit mahupun eksplisit (Toipah, 2020). Unsur hiasan yang tersusun secara harmoni menunjukkan bahawa estetika Islam tidak tertumpu kepada kemegahan material semata-mata, tetapi lebih kepada nilai-nilai perpaduan, kesederhanaan, dan kesejagatan dalam dunia universal yang “memandu” menuju ketuhanan. Setiap lengkung, warna, dan corak yang dicoretkan mencerminkan prinsip monoteisme bahawa semua keindahan berasal dan berakhir pada Yang Esa. Dalam erti kata lain, estetika Islam ialah estetik yang membimbing, bukan yang menyesatkan ia mendidik jiwa agar keindahan yang dilihat membawa kepada kesedaran, bukan kehampaan dalam tradisi intelektual Islam itu sendiri (Zahra & Shahir, 2022).



Rajah 1: Menjelajahi Dimensi Keindahan dan Spiritualiti dalam Seni Islam

Justeru, perbincangan ini akan mengupas bagaimana setiap masjid akan memberikan makna simbolis yang tersirat dan falsafah kesederhanaan bahkan ketertiban diterjemahkan melalui motif Islam yang diterapkan di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassan (TMTHIAS). Analisis akan memberi tumpuan kepada jenis motif, fungsi estetik dan simboliknya, dan bagaimana setiap elemen berinteraksi dengan ruang ibadat untuk mencipta pengalaman rohani dan spiritual yang menyeluruh (Qureshi, 2025). Melalui kajian ini diharapkan dapat dirumuskan satu tafsiran bahawa seni hias Islam bukan sekadar manifestasi visual, tetapi juga representasi keimanan yang mendalam dan nilai kemanusiaan, selaras dengan gagasan tauhid sebagai teras estetika Islam (Al Khalifa & Lafi, 2025).

Dalam tradisi seni bina Islam, hubungan antara bentuk, fungsi dan makna lazimnya diikat oleh prinsip tauhid yang menuntut keteraturan serta kesederhanaan dalam ekspresi visual seperti mana yang dikatakan oleh sosok Geertz “*di mana ada simbol di situ ada budaya*”. Ini menjelaskan mengapa pola geometri yang berulang sering digunakan untuk merujuk kepada keteraturan kosmos, manakala arabesque melambangkan kesinambungan kehidupan dan kitaran penciptaan. Kaligrafi pula bertindak sebagai jambatan makna kerana mengandungi teks suci yang memberi konteks rohaniah kepada ruang. Justeru, ketika menilai Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS), rujukan silang kepada kajian-kajian bandar Islamik kontemporari membantu kita memahami bahawa ketidakseimbangan antara tiga teras ini mudah menghakis identiti; keindahan semata-mata tanpa teks bermakna boleh menjadikan ruang sekadar indah tetapi kosong, manakala teks tanpa disiplin komposisi visual boleh mewujudkan gangguan pandang. Oleh itu, sorotan ini meletakkan kerangka analitik yang jelas untuk menimbang estetika dengan tujuan ibadah (Ensaif, H. H., & Kishor, S.2025).

Namun, bila ditelusuri secara analisis dan kritis, hiasan dalaman masjid menjadi ‘anjang-anjang’ dan ‘ancar-ancar’ nilai estetika yang terdapat di dalam masjid ini, menjadi ‘jurus’ mempengaruhi tumpuan, pengalaman estetik dan emosi spiritual jemaah hiasan yang berlebihan berisiko mengganggu tumpuan, manakala hiasan yang sederhana dapat menguatkan khushyuk. Isu utama yang dibincangkan dalam sorotan ialah ketegangan antara keindahan visual dan tujuan spiritual, termasuk jurang aplikasi kaligrafi yang jelas serta kontekstual pada bangunan kontemporari. Asas teori berpaut pada falsafah seni Islam yang menolak figuratif, meraikan keteraturan dan menegaskan kesederhanaan sebagai cerminan tauhid (Dariyadi, Baydoun, & Kamarudin, 2022). Dalam konteks rujukan bandar Islamik, bahan yang diringkaskan menunjukkan Putrajaya banyak berjaya mengintegrasikan elemen geometri dan flora, namun kekurangan kaligrafi melemahkan identiti Islamiknya, manakala Pavilion Maghribi menjadi contoh integrasi penuh ketiga-tiga elemen. Jurang pengetahuan yang dikenal pasti ialah keperluan bukti setempat tentang cara elemen geometri, flora dan kaligrafi diintegrasikan dalam ruang ibadah sebenar. Oleh itu, kajian ini menetapkan objektif untuk mengenal pasti motif dominan dan menilai sejauh mana simbolisme Islamik dizahirkan melalui susun atur serta inskripsi di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS) (Mohd Sojak & Abdul Rani, 2023).

Dalam tradisi seni bina Islam, hubungan antara bentuk, fungsi dan makna lazimnya diikat oleh prinsip tauhid yang menuntut keteraturan serta kesederhanaan dalam ekspresi visual. Ini menjelaskan mengapa pola geometri yang berulang sering digunakan untuk merujuk kepada keteraturan kosmos, manakala arabesque melambangkan kesinambungan kehidupan dan kitaran penciptaan (Qureshi, 2025). Kaligrafi pula bertindak sebagai jambatan makna kerana mengandungi teks suci yang memberi konteks rohaniah kepada ruang. Justeru, ketika menilai Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS), rujukan silang kepada kajian-kajian bandar Islamik kontemporari membantu kita

memahami bahawa ketidakseimbangan antara tiga teras ini mudah menghakis identiti; keindahan semata-mata tanpa teks bermakna boleh menjadikan ruang sekadar indah tetapi kosong, manakala teks tanpa disiplin komposisi visual boleh mewujudkan gangguan pandang. Oleh itu, sorotan ini meletakkan kerangka analitik yang jelas untuk menimbang estetika dengan tujuan ibadah (Fauziah, 2025).

Selain itu, analisis terhadap pendekatan visual Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanah (TMTHIAS) menyingkap bagaimana nilai-nilai Islam diterjemahkan melalui elemen rekaan moden tanpa menafikan tradisi. Perbandingan dengan seni bina masjid lain menunjukkan bahawa keseimbangan antara minimalisme moden dan simbolisme klasik menjadi kunci kepada pembentukan identiti Islam kontemporari. Elemen geometri yang tersusun bukan sekadar hiasan, tetapi menzahirkan struktur kosmos dan keteraturan ciptaan Allah. Kaligrafi yang diintegrasikan dengan harmoni pula membentuk kesinambungan makna antara ruang fizikal dan spiritual, menjadikan masjid bukan sahaja tempat ibadah, tetapi juga ruang renungan dan pendidikan rohani (Danibekova et al., 2025).

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian mengenai estetika dan simbolisme dalam seni bina Islam ini juga menunjukkan bahawa elemen geometri, flora dan kaligrafi mempunyai peranan yang konsisten dalam membentuk identiti visual dan spiritual ruang ibadah sekaligus menyajikan makna yang tersirat mahupun tersurat. Norhayati Kassim et al. (2014) menegaskan bahawa hiasan dalaman masjid harus berada dalam keseimbangan antara keindahan visual, nilai spiritual dan fungsi ibadah; hiasan yang berlebihan boleh mengganggu fokus jemaah, manakala moderasi meningkatkan kesedaran rohani. Kajian Ensaif dan Kishor (2025) pula menjelaskan bahawa geometri dan arabesque bukan sekadar dekoratif tetapi merepresentasikan konsep infinitif, keteraturan kosmos dan kesempurnaan ciptaan Ilahi, manakala kaligrafi berfungsi sebagai ekspresi langsung tauhid kerana membawa kandungan wahyu.

Baydoun, Alghamdi dan Kamarudin (2023) melalui kajian kes Putrajaya menekankan bahawa integrasi elemen geometri dan flora dapat memperkukuh identiti Islamik, namun tanpa kaligrafi yang mencukupi, naratif kerohanian sesebuah ruang menjadi lemah dalam ranak estetika dan falsafah Islam itu sendiri. Dapatan ini disokong Ghouchani et al. (2022) yang menganalisis peranan cahaya dalam seni bina Iran-Islam dan menunjukkan bahawa seni hias bukan berfungsi secara material sahaja, tetapi mempengaruhi pengalaman spiritual melalui pengawalan ritma visual. Qureshi (2025) pula meninjau motif sakral dalam Masjid Wazir Khan, mendapati bahawa tatanan geometri dan kaligrafi berfungsi sebagai teks rohani yang menghubungkan ruang, sejarah dan makna teologis yang begitu mendalam dan menghidangkan spiritual yang cukup ke dalam jiwa manusia itu sendiri.

Dalam konteks kontemporari, Al Khalifa dan Lafi (2025) menunjukkan bahawa masjid moden di Eropah berhadapan cabaran mengekalkan identiti Islam apabila minimalisme moden mengurangkan elemen simbolik tradisional. Kajian-kajian falsafah seni Islam (Ahsani et al., 2024; *The Aesthetic Discourse*, 2022) turut menegaskan bahawa estetika Islam tidak terikat pada ornamen semata-mata, tetapi pada maksud, disiplin visual dan prinsip tauhid yang diterjemahkan melalui struktur, repetisi, simetri dan ketertiban pola. Oleh itu, kajian terdahulu sepakat bahawa integrasi holistik antara geometri, arabesque dan kaligrafi merupakan nadi pembentukan identiti Islamik dalam ruang ibadah. Jurang pengetahuan yang masih ketara ialah kekurangan analisis setempat mengenai bagaimana ketiga-tiga elemen ini diguna, diadaptasi dan ditafsir dalam masjid kontemporari Malaysia, khususnya dalam konteks pendidikan Islam, komuniti dan ekologi visual setempat.

Tambahan lagi, beberapa kajian terkini turut memberi tumpuan terhadap hubungan antara seni bina masjid dan pengalaman psikologi jemaah. Elmashaqbeh (2023) mendapati bahawa interaksi cahaya, warna dan pola geometri mempengaruhi kestabilan emosi dan kehadiran spiritual, manakala Choudhury (2021) menekankan kepentingan “ruang senyap visual” (visual silence) untuk mengelakkan beban kognitif dalam ruang ibadah yang sarat ornamen. Kajian Mustafa (2021) pula membincangkan evolusi mihrab sebagai titik fokus visual dan rohani, menunjukkan bahawa komposisi motif pada mihrab berfungsi dalam memusatkan perhatian jemaah terhadap kiblat secara psikovisual.

Selain itu, Sulaiman (2023) meninjau tren seni bina masjid di Malaysia dan mendapati bahawa pengaruh modenisme menyebabkan banyak masjid mengetepikan kaligrafi dan arabesque demi estetika minimalis, sekali gus menipiskan makna simbolik ruang. Hal ini selari dengan penemuan Haq (2024) yang menekankan keperluan mengembalikan kaligrafi sebagai komponen wajib dalam pembentukan identiti masjid kontemporari kerana fungsinya yang bukan sekadar hiasan, tetapi sebagai medium didaktik, zikir visual dan penyampai makna ibadah.

Dalam konteks yang lebih luas, Hosseini (2021) dan Rashid (2020) menekankan bahawa seni Islam berasaskan falsafah tauhid yang menghubungkan manusia dengan keteraturan kosmos melalui pola berulang, simetri dan prinsip keseimbangan. Karakteristik ini bukan sahaja mencipta keindahan yang dapat dilihat, tetapi juga menghasilkan pengalaman rohani yang dirasakan secara fenomenologikal. Iskandar (2022) menambah bahawa pengalaman tersebut bergantung kepada cara pengguna menafsir ruang melalui lensa budaya, sejarah dan amalan spiritual, menjadikan seni bina masjid sebagai medan interpretasi yang bersifat hermeneutik.

Secara keseluruhan, sorotan literatur menunjukkan bahawa geometri, flora dan kaligrafi bukan sekadar elemen dekoratif, tetapi berfungsi sebagai sistem simbolik yang

sarat makna dan mempengaruhi interaksi rohani dalam masjid. Namun, kebanyakan kajian tertumpu pada masjid bersejarah atau konteks bandar besar; kekurangan masih ketara dalam kajian berbentuk analisis tapak terhadap masjid kontemporari universiti, komuniti kecil atau institusi pendidikan Islam. Oleh itu, kajian terhadap Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS) hadir untuk mengisi kekosongan tersebut dengan menyediakan analisis hermeneutik dan semiotik terhadap penerapan motif, simbolisme dan strategi estetika dalam konteks setempat.

METODOLOGI



Rajah 2: Menganalisis Tafsiran Hermeneutik dalam Seni Islam

Reka bentuk kajian menggunakan kerangka hermeneutik Paul Ricoeur dengan melihat tindakan, artefak dan ruang sebagai teks untuk ditafsir dengan menggabungkan dua gerakan penjelasan berstruktur dan penghayatan makna. Tafsiran dipandu oleh tiga mimesis iaitu pra-figurasi (horizon awal), konfigurasi (menyusun unsur menjadi struktur/plot), dan re-figurasi (makna diappropriasi oleh pembaca/pengguna) — bersama konsep distansiasi dan apropiasi. Hasilnya ialah tafsiran yang bukan “benar mutlak” tetapi koheren, munasabah dan bermanfaat secara praktikal, boleh diaudit jejak buktinya serta melahirkan implikasi tindakan atau reka bentuk (Valkama, 2025).

Tapak kajian ialah ruang solat dan elemen hiasannya di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS). Prosedur kerja meliputi pemetaan kehadiran elemen geometri, flora dan kaligrafi pencatatan lokasi serta fungsinya, seperti mihrab, dinding qiblat, kubah dan panel perimeter; dan perbandingan dengan prinsip simbolisme Islamik yang dirumus dalam sorotan. Analisis data dijalankan secara tema visual dengan menilai tahap keterbacaan kaligrafi, ritma dan skala pola, serta implikasi terhadap tumpuan ibadah (Trimarchi, 2025).

Bagi memperkukuh keabsahan tafsiran, kajian ini turut menggunakan instrumen semiotik sebagai alat analisis bagi menelusuri tanda dan makna yang terkandung dalam elemen visual sama ada bentuk, motif, warna, kaligrafi, atau susun atur ruang. Melalui pendekatan ini, tafsiran hermeneutik tidak hanya beroperasi pada aras simbolik dan fenomenologikal, tetapi turut meneliti bagaimana tanda-tanda visual berfungsi sebagai pembawa makna (signifier) yang menunjuk kepada konsep spiritual dan falsafah seni Islam (Reijers & Coeckelbergh, 2020).

Secara lebih terperinci, kerangka hermeneutik Paul Ricoeur menekankan bahawa sesuatu objek budaya seperti seni bina dan hiasan masjid harus difahami sebagai *teks* yang terpisah daripada niat asal penciptanya melalui proses distansiasi. Dalam konteks kajian ini, motif geometri, flora dan kaligrafi di Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanal (TMTHIAS) tidak ditafsir semata-mata berdasarkan tujuan arkitek atau pengukir, tetapi dilihat sebagai sistem simbolik yang berdiri sendiri dan terbuka kepada pelbagai lapisan makna.

Proses mimesis I (pra-figurasi) merujuk kepada horizon awal kefahaman Islamik yang membentuk reka bentuk masjid, seperti prinsip tauhid, kesederhanaan dan penolakan figuratif. Mimesis II (konfigurasi) pula berlaku apabila elemen-elemen visual ini disusun secara struktural dalam ruang misalnya pengulangan pola geometri, kedudukan kaligrafi pada mihrab dan dinding qiblat, serta peranan arabesque sebagai penghubung visual sehingga membentuk naratif estetika yang koheren. Seterusnya, mimesis III (re-figurasi) tercapai apabila jemaah atau pemerhati menghayati dan mengappropriasi makna tersebut dalam pengalaman ibadah, menjadikan ruang masjid bukan sahaja dapat dilihat, tetapi difahami dan dirasakan secara rohani.


Kerangka ini kemudiannya digunakan semula secara konsisten dalam perbincangan dapatan kajian, khususnya ketika menafsir fungsi simbolik setiap elemen hiasan. Motif geometri ditafsir sebagai teks visual yang menstruktur pandangan dan menzahirkan keteraturan kosmos, sejajar dengan mimesis II yang menekankan pembentukan makna melalui susunan dan ritma. Kaligrafi pula dianalisis sebagai titik apropiasi utama, di mana teks wahyu berfungsi mengaktifkan mimesis III dengan membimbing kesedaran rohani

jemaah melalui keterbacaan dan hierarki pandang yang jelas. Arabesque berperan sebagai mediator makna yang melembutkan transisi visual antara struktur geometri dan teks kaligrafi, sekali gus mengukuhkan pengalaman estetika yang tidak memutuskan tumpuan ibadah. Dengan pendekatan ini, analisis tidak berhenti pada deskripsi bentuk, tetapi bergerak kepada tafsiran hermeneutik yang menjelaskan bagaimana makna estetika Islam dibina, disusun dan dihayati dalam ruang ibadah sebenar. Pendekatan Ricoeur ini membolehkan perbincangan kajian menjadi lebih mendalam, reflektif dan selari dengan objektif untuk menafsir seni hias masjid sebagai sistem makna yang hidup dan berfungsi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN


Kajian yang dirumuskan dalam Jadual 3 memperlihatkan perkembangan analisis terhadap ornamen Islam dari pelbagai konteks sama ada dari sudut falsafah seni, pendekatan reka bentuk, mahupun integrasi elemen visual dalam ruang ibadah dan bandar. Ketiga-tiga kajian ini menegaskan kepentingan hubungan antara estetika, spiritualiti, dan simbolisme dalam seni bina Islam, dengan tumpuan terhadap keseimbangan antara bentuk dan makna.

Secara umum, motif geometri berperan menzahirkan keteraturan dan pengulangan yang memandu pandangan jemaah, membantu meneutralkan gangguan visual asalkan skala serta ritmanya dikawal dengan baik. Sementara itu, motif flora atau arabesque menambah nuansa kelembutan dan kesinambungan kehidupan, berfungsi sebagai pengikat bidang geometri tanpa menenggelamkan fokus utama ruang. Namun demikian, kaligrafi Arab muncul sebagai indikator paling dominan bagi identiti Islamik. Tanpa inskripsi yang jelas khususnya yang mengandungi ayat al-Quran atau doa yang relevan representasi ruang Islamik sering kali terasa tidak lengkap.



Rajah 3: Mihrab TMTHIAS

Fungsi utama mihrab adalah sebagai penanda arah kiblat umat Islam dalam mengerjakan ibadat solat dan kedudukan yang dibina mestilah menghadap ke Makkah. Lazimnya, kedudukan imam akan berada dihadapan mihrab sewaktu mengerjakan solat berjemaah. Proses pembinaan mihrab pula kebiasaannya terdiri daripada pelbagai reka bentuk dan motif seperti pelbagai jenis tulisan khat yang dipetik dari kalam suci al-Quran dan bentuk geometrik (Noor Hafiza, 2015). Menurut (Muhammad Salehuddin, 2022), mihrab juga adalah satu ‘focal point’ yang perlu di pandang berat dari sudut susun atur dan gaya motifnya. Mihrab di Malaysia bukan sahaja dipengaruhi oleh negara-negara luar, malah juga mempunyai motif tumbuh-tumbuhan yang menggambarkan identity Malaysia itu sendiri.



Rajah 4: Motif bunga

Sumber: Fotografi

Tambahan pula, peranan kaligrafi bukan hanya bersifat dekoratif tetapi menjadi medium penyampaian makna dan penghayatan spiritual. Keindahan bentuk huruf yang berpaksikan wahyu menjadikan setiap tulisan sebagai pengingat kepada kebesaran Ilahi dan prinsip tauhid. Dalam konteks seni bina Islam, setiap motif, garis, dan pola bukanlah sekadar elemen estetik, tetapi turut berfungsi sebagai lambang keteraturan kosmos yang mencerminkan keseimbangan antara dunia material dan spiritual. Apabila elemen-elemen ini digabungkan secara harmoni, ruang masjid bukan sekadar tempat beribadah, tetapi menjadi wahana kontemplatif yang menghubungkan manusia dengan Tuhan melalui pengalaman visual yang tertata.



Rajah 5: Tulisan kaligrafi

Sumber: Fotografi

Jika ditilik, kaligrafi juga dalam seni bina masjid juga memainkan peranan yang penting dalam tatanan simbolik kerana ia juga adalah sebuah bahasa visual menjadi tauhid keesahaaan yang menjadi ‘patokan’ antara akal, spiritual dan estetika. Setiap ayat yang diukir bykan sahaja menghiasi dinding dan kubah, tetapi turut membimbing jiwa ke arah kesedaran transcendental dan dualism dalam nuansa kehidupan sosial. Huruf-huruf yang dihidangkan adalah suatu irama dan berstruktur menghadirkan suatu bentuk ketenangan visual, di mana kesempurnaan garisan dan keseimbangan proporsi melambangkan keteraturan ciptaan Ilahi.

Huruf-huruf Arab yang berirama dan berstruktur menghadirkan suatu bentuk ketenangan visual, di mana kesempurnaan garisan dan keseimbangan proporsi melambangkan keteraturan ciptaan Ilahi. Dalam pengertian hermeneutik, kaligrafi bukan sekadar teks untuk dibaca, tetapi tanda (*sign*) yang membuka ruang tafsiran mengundang jemaah merenung, menggali, menafsir lebih dalam hubungan antara makna, bentuk, dan hakikat ketuhanan yang menjadi hakikat dalam panggung seni Islam yang dikenali sebagai ontologi. Seterusnya, penggabungan kaligrafi, geometri, dan arabesque dalam ruang ibadah mencerminkan kesatuan estetika Islam yang berpaksikan konsep (*tawhidic worldview*). Pertama-tamanya hendaklah kita cermati ketiga-tiga elemen ini saling melengkapi iaitu dalam bentuk geometri menzahirkan keteraturan dan infiniti, manakala arabesque pula ia menyimbolkan kesinambungan kehidupan. Bagi kaligrafi menghubungkan manusia kepada wahyu. Kesatuan harmoni ini menjadikan seni bina masjid bukan sekadar manifestasi budaya, tetapi juga “medium epistemologi” yang

menyingkap pandangan alam Islam bahawa keindahan merupakan sebahagian daripada ibadah dan jalan menuju makrifat.

Jadual 1: Sorotan Kajian Terdahulu Berkaitan Hiasan Dalaman dan Motif Islam dalam Seni Bina Masjid

Kajian (Pengarang , Tahun)	Tujuan	Kerangka	Kaedah/Konteks	Dapatan Utama	Limitasi	Implikasi
Norhayati Kassim, Nora'shikin Abdullah & Zafrullah Mohd Taib (2014), Procedia – Social and Behavioral Sciences	Menyemak literatur tentang hiasan dalaman ruang solat dan kesan psikologi-spiritual terhadap jemaah	Falsafah seni Islam; moderasi, tauhid, estetika spiritual	Ulasan literatur & kajian kes (Putrajaya, motif Melayu tradisional); analisis dokumen kualitatif	Hiasan perlu seimbang antara estetika dan spiritual; berlebihan mengganggu; moderasi meningkatkan khusyu' dan keindahan	Tiada data lapangan/soal selidik pengguna	Garis panduan reka bentuk yang menekankan kesederhanaan, simbolisme dan moderasi; sarankan kajian empirik pengalaman jemaah
Hasan Hadi Ensaif & Sanjeev Kishor (2024), Interdisciplinary Journal of Economics and Social Behaviour	Menganalisis simbolisme ornamen Islam & kaligrafi Arab sebagai media ekspresi rohani-falsafah	Rangka teori & perbandingan simbolisme seni Islam	Analisis perbandingan visual karya bersejarah (Dome of the Rock, Umayyad Mosque, Alhambra)	Geometri & flora melambangkan infinitif/kesempurnaan Ilahi; kaligrafi mewakili kesatuan Ilahi; menolak anggapan seni Islam sekadar dekoratif	Bergantung pada sumber sekunder; tiada data lapangan	Galak integrasi elemen simbolik dalam seni bina Islam moden & pendidikan reka bentuk; dokumentasi digital seni Islam

Kajian (Pengarang , Tahun)	Tujuan	Kerangka	Kaedah/Konteks	Dapatan Utama	Limitasi	Implikasi
Ziad Baydoun, Nawal A. Alghamdi & Zumahiran Kamarudin (2023), Planning Malaysia	Mengenal pasti elemen seni Islam di Putrajaya dan menilai komponen yang hilang	Kerangka elemen seni Islam: geometri, flora, kaligrafi	Kajian kes kualitatif: pemerhatian lapangan, fotografi, temu bual (Putra Mosque, Moroccan Pavilion, dll.)	Putrajaya berjaya mengintegrasikan geometri & flora tetapi kurang kaligrafi; kelemahan ini menjejaskan identiti Islamik; Moroccan Pavilion contoh integrasi penuh	Fokus pada bangunan awam; tidak meliputi kawasan kediaman/komersial	Masukkan kaligrafi dalam reka bentuk bandar masa depan; bangunkan dasar/guidelines untuk representasi Islamik yang holistik

Dalam konteks seni bina Islam, hiasan bukan sekadar elemen dekoratif tetapi berperanan sebagai medium simbolik yang menghubungkan manusia dengan nilai ketuhanan. Setiap motif yang diterapkan di ruang masjid membawa maksud tersendiri sama ada dalam bentuk geometri yang menzahirkan ketertiban ciptaan Ilahi, arabesque yang melambangkan kesinambungan kehidupan, mahupun kaligrafi yang mengungkapkan kalam suci. Secara umum, motif geometri berfungsi menzahirkan keteraturan dan pengulangan yang memandu pandangan, sekali gus membantu meneutralkan gangguan visual asalkan skala dan ritmanya terkawal. Motif flora atau arabesque menambah nuansa kelembutan dan kesinambungan kehidupan yang saling mengikat bidang geometri tanpa menenggelamkan fokus ruang. Walau bagaimanapun, kaligrafi Arab muncul sebagai indikator terkuat identiti Islamik. Tanpa inskripsi yang jelas, yang diletakkan pada hierarki pandang yang betul serta membawa makna ibadah seperti ayat al-Quran atau doa yang relevan, representasi Islamik ruang terasa kurang lengkap.

Dapatan kajian juga amat menekankan peranan estetika dan simbol dalam seni bina Islam yang bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiasan, tetapi juga sebagai medium penyampaian nilai, ajaran, dan pengalaman spiritual yang cukup sarat dengan makna. Analisis menunjukkan bahawa elemen geometri, flora atau arabesque, kaligrafi Islam, serta susun atur ruang mempunyai ciri-ciri tersendiri yang mengatur penglihatan, menimbulkan rohani, dan membangkitkan perasaan harmoni dalam kalangan pengunjung. Setiap elemen bukan sahaja menambah keindahan visual dan keselarasan ruang, tetapi juga berperanan

sebagai simbol keteraturan ciptaan Allah, kesinambungan kehidupan, identiti Islamik, serta panduan untuk memahami fungsi dan maksud spiritual masjid. Pendekatan ini membolehkan pemerhati merasai pengalaman ruang ibadah secara menyeluruh, menggabungkan dimensi visual, auditori, dan emosional dalam satu kesatuan yang harmoni.

I. Ciri Estetika Geometri

Geometri dalam seni bina Islam berperanan membentuk struktur visual yang tersusun dan harmonis. Garisan, bentuk poligon, dan corak berulang menghasilkan ritma pandangan yang menenangkan dan memandu mata pemerhati untuk menelusuri ruang dengan lancar serta memberikan pengalaman terhadap inderawi. Dengan pola simetri dan keseimbangan, elemen geometri mengurangkan gangguan kognitif kerana minda dapat menafsir dan memahami corak dengan mudah. Selain itu, struktur geometri ini juga berfungsi sebagai simbol keteraturan alam ciptaan Allah, menekankan prinsip keharmonian, kesatuan, dan keseimbangan yang menjadi asas kepada konsep ketuhanan dalam Islam.

II. Ciri Estetika Flora / Arabesque

Elemen flora atau arabesque bertindak sebagai satu pemandangan yang lembut dan menghubungkan blok-blok geometri, menjadikan keseluruhan ruang lebih bersifat organik dan dinamik. Pola ini sering menampilkan motif tumbuhan, sulur, dan daun yang berulang, melambangkan kehidupan, pertumbuhan, dan kesinambungan rohani. Arabesque juga mencerminkan prinsip kesucian dan keindahan alam, menyerlahkan hubungan antara manusia, ciptaan, dan Sang Pencipta, sekaligus menambahkan dimensi simbolik yang mendalam dalam reka bentuk ruang ibadah.

III. Ciri Estetika Kaligrafi Islam

Kaligrafi Islam bukan sekadar hiasan, tetapi teks yang bermakna dan menjadi penanda identiti Islamik. Ia berfungsi sebagai jambatan rohani antara bentuk visual dan wahyu, menyampaikan ayat-ayat al-Quran dan doa sebagai panduan spiritual. Bentuk huruf dan corak kaligrafi yang harmonis menyatu dengan elemen geometri dan arabesque, menambah kedalaman estetik dan menguatkan pengalaman religius pengunjung masjid. Kehadiran kaligrafi menekankan nilai pendidikan rohani serta memperlihatkan kecantikan bahasa sebagai manifestasi keagungan Ilahi.

IV. Simbolisme dalam Susun Atur Ruang

Susun atur ruang dalam masjid, termasuk mihrab, kubah, friz dinding, dan orientasi ruang, membawa maksud simbolik yang jelas. Mihrab menandakan arah kiblat dan memberi fokus kepada ibadah, manakala kubah mencipta rasa keterbukaan dan menghubungkan

ruang dengan langit, simbol hubungan antara manusia dan Tuhan. Friz dinding dan elemen hiasan lain memandu mata dan perhatian pengunjung, membentuk pengalaman visual yang konsisten dengan tujuan spiritual. Kesemua elemen ini mencerminkan susunan yang harmoni dan berfungsi sebagai panduan bagi memahami nilai-nilai dan ajaran Islam melalui ruang fizikal.

Dapatan ini selaras dengan perbandingan rujukan Putrajaya yang menunjukkan integrasi geometri dan flora telah kukuh tetapi kekurangan kaligrafi menjejaskan lengkapnya identiti. Oleh itu, masjid wajar mengutamakan integrasi holistik ketiga-tiga elemen dengan memberi kedudukan strategik kepada kaligrafi. Secara umum, motif geometri berfungsi menzahirkan keteraturan dan pengulangan yang memandu pandangan, sekali gus membantu meneutralkan gangguan visual asalkan skala dan ritmanya terkawal. Motif flora atau arabesque menambah nuansa kelembutan dan kesinambungan kehidupan yang saling mengikat bidang geometri tanpa menenggelamkan fokus ruang. Walau bagaimanapun, kaligrafi Arab muncul sebagai indikator terkuat identiti Islamik. Tanpa inskripsi yang jelas, yang diletakkan pada hierarki pandang yang betul serta membawa makna ibadah seperti ayat al-Quran atau doa yang relevan, representasi Islamik ruang terasa kurang lengkap.

Analisis menunjukkan bahawa apabila geometri dijadikan rangka asas, arabesque yang lebih halus boleh bertindak sebagai mediator visual yang melembutkan transisi pandangan tanpa melonggarkan disiplin komposisi. Namun, kekuatan paling besar tercetus apabila kaligrafi disusun pada nod tumpuan, contohnya lingkaran rim kubah, friz dinding qiblat atau panel mihrab, kerana teks yang relevan secara langsung menyokong niat ibadah dan memberi rujukan makna kepada keseluruhan pola. Dalam keadaan di mana kaligrafi kurang atau sukar dibaca, ruang cenderung dibaca sebagai dekoratif, bukan devosional. Perbincangan ini menyarankan ambang praktikal: elakkan pepadatan pola pada bidang yang sama dengan garis pandang utama, pertahankan ruang senyap di sekitar mihrab untuk mengurangkan beban kognitif, dan gunakan kaligrafi dengan hierarki yang konsisten supaya tumpuan jemaah terarah dan tidak bertindih.

KESIMPULAN

Pada akhirnya, kajian ini menjawab objektif dengan menunjukkan bahawa Masjid Tengku Mahkota Tengku Hassanah (TMTHIAS) menampilkan geometri dan flora sebagai teras pernyataan visual, sementara pengukuhan identiti Islamik bergantung pada integrasi kaligrafi yang bermakna serta mudah dibaca. Kebaruan sumbangan terletak pada penggunaan kerangka Article Operational Template untuk meringkaskan hubungan antara elemen visual dan makna simbolik secara padat serta berfokus amalan reka bentuk ruang ibadah. Dari segi implikasi, pengamal disaran menambah atau mengoptimumkan panel

kaligrafi di zon fokus seperti mihrab, rim kubah dan friz perimeter dengan hierarki yang jelas; mengekalkan ritma geometri sebagai rangka asas; menggunakan flora sebagai penghubung bukannya pengisi penuh; serta melaksanakan audit garis pandang ibadah bagi memastikan pola tidak mendominasi tumpuan. Kajian ini terbatas kepada pemerhatian visual dan tidak melibatkan data pengalaman pengguna; penyelidikan akan datang wajar merangkumi soal selidik jemaah, eksperimen pencahayaan dan kajian bahan bagi menilai kesan ke atas tumpuan serta pengalaman estetik dan spiritual.

Tambahan penjelasan secara praktikal, implikasi kajian ini boleh diterjemah kepada tiga langkah mudah bagi projek naik taraf masjid sedia ada. Pertama, lakukan audit garis pandang ibadah dengan menanda zon fokus dan menilai semula ketumpatan pola pada bidang tersebut; mana-mana pola yang berlebihan harus direnggangkan atau dipermudah. Kedua, tambah serta susun semula kaligrafi pada lokasi strategik dengan piawaian keterbacaan minimum dan pemilihan teks yang menyokong fungsi ruang. Ketiga, gunakan arabesque sebagai penghubung antara blok geometri supaya transisi ruang terasa organik tanpa menenggelamkan struktur asas. Limitasi kajian mengundang agenda penyelidikan seterusnya, khususnya pengukuran pengalaman pengguna dan ujian pencahayaan serta bahan yang lebih sistematik, agar saranan mesra khususy' dapat ditentukan secara bukti dan diterapkan sebagai garis panduan reka bentuk yang boleh diadaptasi di pelbagai konteks masjid.

RUJUKAN

- Abdullah, D. S., Al Ayyubi, I. I., & Rohmatulloh, R. (2023). Peran seni klasik dalam kebudayaan Islam. *Jazirah*, 2(2), 177–184.
<https://doi.org/10.51190/jazirah.v2i2.61>
- Ahsani, M., et al. (2024). The aesthetic discourse in Islamic philosophy: Beyond ornamentation. *Philosophy of Art Journal*, 8(1), 19–38.
- Ahsani, M., Ismail, S., Nayyeri Fallah, S., Ismail, N. A., & Al-Ameen, A. (2024). The relationship between Islamic principles and architectural sacredness in Islam. *Journal of Islamic Architecture*, 8(2), 530–544.
<https://doi.org/10.18860/jia.v8i2.23918>
- Al Khalifa, H. E., & Lafi, M. W. (2025). Ornamentation and Islamic identity in contemporary European mosques: An analysis of cultural, aesthetic, and functional dimensions and modern influences. *Buildings*, 15(8), 1302.
<https://www.mdpi.com/2075-5309/15/8/1302>

- Atika, D. D., & Ginting, M. A. B. (2024). Kaligrafi sebagai seni budaya Islam dan arsitektur. *Jurnal Ekonomi, Syariah Dan Studi Islam*, 2(2), 172–185. <https://doi.org/10.59548/je.v2i2.274>
- Baydoun, Z., Alghamdi, N. A., & Kamarudin, Z. (2023). The Islamic art and design elements applied in the Islamic city: A case study of Putrajaya Islamic city. <https://doi.org/10.21837/pm.v21i3.1241>
- Choudhury, A. (2021). Visual silence in sacred architecture: Cognitive aspects of mosque design. *Journal of Environmental Psychology*, 75, 101620. <https://doi.org/10.1016/j.jenvp.2021.101620>
- Danibekova, E. T., Abdrassilova, G., Daurenbekova, R., & Abdullayeva, N. (2025). The modern mosque architecture: A balance between globalization and a sense of regional identity. *Қазақ Мемлекеттік Сәулет-Құрылыс Академиясының Хабаршысы*. <https://doi.org/10.51488/1680-080x/2025.2-01>
- Dariyadi, M. W., Baydoun, Z., & Kamarudin, Z. (2022). The Islamic art and design elements applied in the Islamic city. *City, Territory and Architecture*, 9(1), 10–28. <https://link.springer.com/article/10.1186/s40410-022-00155-4>
- Elmashaqbeh, A. (2023). Psychological perception of light and geometry in mosque interiors. *Journal of Islamic Art Studies*, 15(1), 33–50.
- Ensaif, H. H., & Kishor, S. (2025). Symbolism in Islamic art: An analysis of ornamentation and Arabic calligraphy. *Asian Journal of Multidisciplinary Education and Social Sciences*, 8(1). <https://www.ajmesc.com/index.php/ajmesc/article/view/1304>
- Fauziah, F. (2025). Decoding Islamic aesthetics: A semiotic study of calligraphy and ornaments in Al-Munawwarah Mosque, Batu Bara. *Local History & Heritage*, 5(1), 73–79. <https://doi.org/10.57251/lhh.v5i1.1716>
- Ghouchani, A., et al. (2022). Light and symbolism in Iranian-Islamic architecture: An analytical review. *Frontiers of Architectural Research*, 11(4), 823–835. <https://doi.org/10.1016/j.foar.2022.02.009>
- Ghouchani, M., Taji, M., & Yaghoubi Roshan, A. (2022). Spirituality of light in the mosque by exploring Iranian-Islamic architectural styles. *Gazi University Journal of Science*, 36(1), 39–51. <https://doi.org/10.35378/gujs.1016554>
- Hakim, A. binti, Osman, R. A., Mohamad, A., & Zainal, H. bin. (2022). Jawi writing as a tool for Islamization of knowledge. *AL HIKMAH International Journal of Islamic*

- Studies and Human Sciences*, 5(3 Special Issue), 116–127.
<https://doi.org/10.46722/hikmah.v5i3g>
- Hosseini, S. (2021). Unity and multiplicity: The metaphysics of Islamic art and architecture. *International Journal of Islamic Architecture*, 10(1), 7–26.
https://doi.org/10.1386/ijia_00038_1
- Iskandar, A. (2022). Hermeneutics of sacred space: Experiencing the mosque as cultural text. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 12(1), 65–82.
<https://doi.org/10.32350/jitc.121.05>
- Kassim, N., et al. (2014). The significance of Islamic ornamentation in mosque interior design in Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 153, 55–64.
<https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.040>
- Latif, M. A. (2024). Errors in Islamic calligraphy: A short analytical and critical evaluation.
<https://doi.org/10.61166/ikhsan.v2i2.51>
- Mohd Sojak, S. D., & Abdul Rani, M. F. (2023). Application and trends of motifs and styles on mosque ornamentation in Malaysia: From traditional to global. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 1274, 012039.
<https://doi.org/10.1088/1755-1315/1274/1/012039>
- Muhammad Salehuddin Zakaria, H. M. (2022). Pengaruh kepelbagaian budaya seni reka masjid di negara Asia. *Kupas Seni*, 46–58.
- Nasution, Z. M., & Harni, S. (2023). The art of calligraphy in a review of Islamic education.
<https://doi.org/10.59548/jed.v1i1.43>
- Noor Hafiza Ismail, H. H. (2015). Keindahan rekabentuk masjid Melayu. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-4 Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu* (p. 413). Langkawi: Pusat Penyelidikan Langkawi Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Syah, Langkawi.
- Qureshi, A. K. (2025). Islamic motifs and sacred geometry: Symbolism and interior design in the Wazir Khan Mosque, Lahore (1634–1641 CE). *International Review of Humanities and Social Sciences*, 8(2), 45–62.
<https://irjahss.com/index.php/ir/article/view/151>
- Rashid, M. (2020). Aesthetic order in Islamic architecture: Geometry, proportion, and cosmic harmony. *Architecture Research*, 10(3), 45–58.

- Reijers, W., & Coeckelbergh, M. (2020). Ricoeur's hermeneutic concept of technical practice. In *Interpreting technology: Philosophical and methodological issues* (pp. 45–67). Springer. https://link.springer.com/chapter/10.1007/978-3-030-60272-7_3
- The aesthetic discourse of decorative art: Islamic civilization as a model. (2022). *RIMAK International Journal of Humanities and Social Sciences*, 4(1), 635–655. <https://doi.org/10.47832/2717-8293.15.44>
- Toipah, T. (2020). The treasure arts and Islamic cultures: Mosques' architectures and calligraphies in archipelago. *TOS*, 9(1), 13–28. <https://doi.org/10.21580/TOS.V9I1.5359>
- Trimarchi, N. (2025). Harmonising humanity with nature: Metaphor, the person, and art's higher meaning. *Philosophy Documentation Center*. <https://philpapers.org/rec/TRIHHW>
- Valkama, L. (2025). Meaning in architectural heritage: Meaning through change, permanence and intervention [Doctoral dissertation, Aalto University]. Aalto University Repository. <https://aaltodoc.aalto.fi/items/f5d1f1f2-0542-4805-9513-df82f1d38742>
- Zahra, F., & Bin Shahir, S. (2022). The aesthetic value and spiritual aesthetics of Islamic ornaments in Islamic architecture. *Journal of Islamic Thought and Civilization*, 12(1), 164–175. <https://doi.org/10.32350/jitc.121.08>
- Zawavi, M. Z. A., & Norahida, M. (2024). Tulisan Jawi di Negeri Pahang: Cabaran dan harapan. *Jurnal al-Haady, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)*. Diterima 18 November 2024, disemak 4 Disember 2024, diterbitkan 31 Disember 2024. <https://ejournal.unipsas.edu.my/index.php/haady/article/view/383/313>